



**KENYATAAN MEDIA  
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG  
JABATAN PERDANA MENTERI**

---

***KUALA LUMPUR FORUM ON INTERNATIONAL ARBITRATION 2024:  
“THE FUTURE OF INTERNATIONAL ARBITRATION: REFORMS,  
AND INNOVATIONS”***

**Kuala Lumpur, 13 November 2024** – *Kuala Lumpur Forum on International Arbitration 2024: “The Future of International Arbitration: Reforms and Innovation”*, anjuran bersama Bahagian Hal Ehwat UndangUndang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) dan *Asian International Arbitration Centre (AIAC)* telah dirasmikan oleh YB Dato’ Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (UndangUndang dan Reformasi Institusi). Majlis perasmian turut disertai oleh TYT Colonel Tawee Sodsong, Menteri Keadilan Negara Thailand dan YB M.Kula Segaran, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (UndangUndang dan Reformasi Institusi) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Objektif utama penganjuran Forum ini adalah seperti yang berikut:

1. Menghimpunkan semua pihak berkepentingan dalam menyokong matlamat reformasi timbang tara komersial antarabangsa dalam menambah baik akses kepada keadilan dan membangunkan ekonomi serantau;

2. Memupuk kerjasama serantau dalam kalangan negara anggota ASEAN dalam usaha reformasi timbang tara antarabangsa, terutamanya dalam aspek pertukaran pengetahuan dan kepakaran dan pembinaan keupayaan selaras dengan amalan terbaik seperti *UNCITRAL Model Law, New York Convention dan ALA Guidelines*;
3. Menyediakan platform untuk siri dialog dan perkongsian pandangan mengenai isu-isu penting yang berkaitan dengan timbang tara antarabangsa; dan
4. Memaklumkan berkaitan Program Siri Jelajah ASEAN (*ASEAN Tour*) dan *ASEAN Law Forum 2025* mengenai Reformasi Timbang Tara dan Mediasi Komersial Antarabangsa yang mana Malaysia, sempena Kepengerusian ASEAN 2025 berhasrat untuk memperjuangkan reformasi tersebut dengan kerjasama serantau dalam kalangan Negara-Negara Anggota ASEAN.

Forum ini menumpukan kepada perbincangan berkaitan beberapa aspek seperti peranan ASEAN dalam landskap global timbang tara, usaha-usaha reformasi sistem timbang tara antarabangsa, teknologi dan inovasi dalam timbang tara, akses kepada keadilan dalam timbang tara dan masa depan resolusi pertikaian dalam dunia global.

Forum ini telah berjaya menghimpunkan seramai lebih kurang 500 orang peserta daripada pelbagai latar belakang seperti penjawat awam, wakil dari Kementerian Undang-Undang/Keadilan negara-negara anggota ASEAN dan Jepun, wakil daripada sekretariat ASEAN, wakil organisasi antarabangsa, pengamal undang-undang, penimbang tara, ahli

akademik, pelajar universiti IPTA/IPTS dan orang awam dari dalam dan luar negara.

Pelaksanaan forum ini merupakan satu inisiatif khusus dan manifestasi komitmen Kerajaan MADANI dalam membincangkan usaha reformasi timbang tara komersial antarabangsa dalam kalangan negara-negara ASEAN. Langkah ini bertujuan untuk mendorong pembangunan ekonomi serantau serta turut akan memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai destinasi pilihan utama bagi timbang tara antarabangsa.

**BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**  
**13 NOVEMBER 2024**